

٤٧٢- حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ أَبِي عُبَيْدٍ قَالَ كُنْتُ أَتِي مَعَ سَلَمَةَ بْنِ الْاَكْوَعِ فَيُصَلِّي عِنْدَ الْأُسْطُوَانَةِ الَّتِي عِنْدَ الْمُصْحَفِ فَقُلْتُ يَا أَبَا مُسْلِمٍ أَرَأَيْكَ تَتَحَرَّى الصَّلَاةَ عِنْدَ هَذِهِ الْأُسْطُوَانَةِ قَالَ فَإِنِّي رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَحَرَّى الصَّلَاةَ عِنْدَهَا

472- Al-Makki bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Abi 'Ubaid meriwayatkan kepada kami, katanya: "Aku selalu pergi (ke masjid Nabi s.a.w.) bersama Salamah bin al-Akwa'. Beliau selalunya bersembahyang dekat tiang yang berhampiran dengan (tempat) al-Mushhaf (al-Qur'an).⁸⁰⁷ Maka aku pun bertanya: "Wahai Aba Muslim! (Kenapa) Aku nampak

'Umar bukan 'Umar. Selain itu tidak mustahil telah berlaku dua peristiwa yang berbeza. Satu daripadanya melibatkan 'Umar dan satu lagi melibatkan Ibnu 'Umar. Kata Ibnu at-Tiin, sebabnya 'Umar tidak suka orang itu bersembahyang di antara dua tiang ialah dengan bersembahyang begitu saf akan terputus. Sesetengah 'ulama' pula berpendapat, sebabnya ialah kerana orang itu tidak bersutrah.

⁸⁰⁷ Kerana tasharruf perwai, hadits ini tidak begitu terang menggambarkan keadaan sebenar. Ia menggambarkan seolah-olahnya ada mushhaf dekat tiang di mana Salamah selalu bersembahyang itu. Padahal tidak ada pun mushhaf ketika itu di situ. Mushhaf atau al-Qur'an manakah yang dimaksudkan oleh Yazid bin Abi 'Ubaid di sini? Apakah dekat tiang-tiang lain tidak diletak orang al-Mushhaf atau al-Quran? Apakah di masjid yang luas itu hanya di situ saja ada al-Qur'an? Apa sebab bersembahyang dekat tiang itu dianggap ada kelebihan, sekurang-kurangnya oleh Salamah? Adakah semata-mata kerana Nabi s.a.w. selalu memilih bersembahyang di situ? Kenapa pula Nabi s.a.w. memilih tempat itu untuk bersembahyang? Atau lebihnya kerana pernah al-Mushhaf diletakkan dekat tiang berkenaan? Al-Mushhaf mana?? Itulah beberapa persoalan yang mesti dijawab untuk mendapat gambaran yang jelas tentang kedudukan sebenar cerita di sebalik hadits Yazid bin Abi 'Ubaid di atas. Ketika menghuraikan rangkai kata *عِنْدَ الْمُصْحَفِ* yang tersebut di dalam hadits di atas, Hafiz Ibnu Hajar menulis begini di dalam Fathul Baari: *هذا دال على أنه كان للمصحف موضع خاص به ووقع عند مسلم بلفظ يصلي وراء الصندوق وكأنه كان للمصحف صندوق يوضع فيه والاسطوانة المذكورة حق لنا بعض مشايخنا أنها المتوسطة في الروضة المكرمة وأنها تعرف بأسطوانة المهاجرين قال وروى عن عائشة أنها كانت تقول لو عرفها الناس لاضطربوا عليها بالسهم وإنها أسرتها إلى بن الزبير فكان يكثر الصلاة عندها ثم وجت ذلك في تاريخ المدينة لابن النجار وزاد أن Bermaksud: "Ini menunjukkan bahawa Mushhaf itu mempunyai tempat khusus (di masjid Nabi s.a.w.). Di dalam riwayat Muslim ada lafaz *يصلي وراء الصندوق* (Baginda s.a.w. bersembahyang di belakang peti). Semacam Mushhaf itu ada peti tempat meletaknya pula. Menurut kajian yang dibuat oleh sesetengah guru kami, tiang berkenaan ialah yang di tengah di dalam Raudhah Nabi s.a.w. (ruang di antara rumah Rasulullah s.a.w. dan mimbar Baginda s.a.w. Rumah Rasulullah s.a.w. yang dimaksudkan di sini ialah rumah beliau dengan isterinya 'Aaisyah yang kemudiannya menjadi tempat persemadian Baginda). Ia dikenali (juga) dengan tiang Muhajirin. Diriwayatkan bahawa 'Aaisyah ada berkata: "Kalau orang ramai tahu tempatnya, tentu mereka berusaha mendapatkannya (untuk bersembahyang) walaupun dengan mencabut undi. 'Aaisyah pernah memberi tahu kepada Ibnu az-Zubair tentang tempat itu secara sulit. Kerana itulah Ibnu az-Zubair selalu bersembahyang dekatnya. Kemudian saya dapati kenyataan ini di dalam buku Sejarah Madinah karangan Ibnu an-Najjaar. Ibnu an-Najjaar menambah lagi keterangan, bahawa orang-orang Muhajirin dari kalangan Quraisy selalu berhimpun dekat tiang tersebut. Perkara yang sama telah disebutkan oleh Muhammad bin al-Hasan di dalam bukunya Akhbaar al-Madinah sebelum Ibnu an-Najjaar." Oleh kerana di dalam nuskah Sahih Muslim yang dipakai Imam Nawawi tidak terdapat lafaz *يصلي وراء الصندوق*, beliau langsung tidak menyentuh tentangnya. Hadits Salamah tentang tiang di mana Mushhaf terletak dekatnya itu meskipun ada di dalam nuskah Sahih Muslim yang dipakai Imam Nawawi, namun beliau tidak juga membincangkan tentang apakah perkaitan tiang itu dengan Mushhaf tersebut. Syeikhul Islam pertama Pakistan Maulana Shabbir Ahmad 'Utsmaani di dalam Fathul Mulhim Syarah Sahih Muslimnya menukilkan sepenuhnya apa yang ditulis Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari tadi. Tetapi beliau tidak menyebut di mana hadits berkenaan dengan tambahan *يصلي وراء الصندوق* itu di dalam Sahih Muslim. Atau di dalam nuskah manakah terdapat tambahan itu? Di dalam nuskah yang dipakai beliau untuk mensyarah Sahih Muslim itu tentunya tiada.*

Bagaimanapun Hafiz al-'Aini sekata dengan Hafiz Ibnu Hajar di sini. Apa yang ditulis beliau hampir sama dengan apa yang ditulis oleh Hafiz Ibnu Hajar tadi. Beliau juga menerima seperti Hafiz Ibnu Hajar bahawa tambahan *هذا يدل على أنه كان في مسجد رسول الله موضع خاص للمصحف الذي كان ثمة من عهد عثمان* memang ada di dalam Sahih Muslim. Cuma di satu dua tempat sahaja terdapat perbezaan di antara mereka berdua. Misalnya selepas menulis *هذا يدل على أنه كان في مسجد رسول الله موضع خاص للمصحف الذي كان ثمة من عهد عثمان* Bermaksud: "Ini menunjukkan bahawa Mushhaf itu mempunyai tempat khusus di masjid Rasulullah s.a.w. semenjak zaman pemerintahan 'Utsman lagi." Tambahan "semenjak zaman pemerintahan 'Utsman lagi" itu tidak ditulis Hafiz Ibnu Hajar. Apa ertinya tambahan ini? Ertinya ialah al-'Aini juga seperti kebanyakan orang telah terpengaruh dengan apa yang tersebar secara meluas dalam masyarakat Islam bahawa al-Qur'an baru terkumpul dalam bentuk mushhaf (sebuah kitab) di zaman Saiyyidina 'Utsman. Selepas itu baru ia tersebar secara meluas. Sebelum itu kalau ada pun mushhaf, hanya sebuah sahaja. Ia mula-mulanya berada di tangan Abu Bakar. Kemudian di tangan 'Umar. Kemudian entah bagaimana, ia berpindah pula ke tangan Hafshah! Kenapa ke tangan Hafshah tidak ke tangan 'Utsman. Tidak ada siapa pun pernah bertanya kenapa? Kenapa setelah mushhaf itu dipinjam oleh 'Utsman untuk disalin oleh Zaid bin Tsabit, ia dikembalikan pula kepada Hafshah? Bukankah mushhaf yang pertama itu juga telah ditulis oleh Zaid. Setelah Zaid menulisnya di zaman Abu Bakar adakah ia telah menjadi rujukan para sahabat dan tabi'in dalam penyalinan al-Qur'an untuk kegunaan sendiri dan untuk disebarkan kepada orang ramai? Atau di zaman Saiyyidina 'Utsman baru al-Qur'an itu diletakkan dekat satu tiang di dalam masjid Nabi s.a.w. supaya disalin dan dibaca oleh orang ramai? Bagaimana mereka membaca al-Qur'an sebelum itu? Adakah berpandukan hafalan semata-mata? Apakah al-Qur'an yang sebahagin ayat-ayatnya hanya ada pada seorang sahabat sahaja, walaupun dikatakan dalam bentuk bertulis, seperti ayat:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٦٦﴾

Bermaksud: Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (Apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun. (al-Ahzaab: 23), boleh dianggap telah sampai ke tahap mutawattir yang pasti diyakini? Apakah ia layak mendapat mohor ريب فيه daripada Allah?? Apakah maksud Malik, Bukhari, Muslim, Ibnu Majah dan lain-lain mengadakan bab-bab seperti *باب النهي أن يسافر بالقرآن إلى أرض الكفار إذا خيف وقوعه بأيديهم* (Bab Larangan Membawa Mushhaf Ketika Bermusafir Ke Negeri Orang-Orang Kafir Jika Ditakuti Ia Akan Jatuh Ke Tangan Mereka), *باب النهي عن أن يسافر بالقرآن إلى أرض العدو* (Bab Larangan Membawa Al-Qur'an Ketika Bermusafir Ke Negeri Musuh), dan di bawahnya mereka mengemukakan hadits Rasulullah s.a.w. ini: *أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى أن يسافر بالقرآن إلى أرض العدو* Bermaksud: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang al-Qur'an dibawa ketika bermusafir ke negeri musuh." Adakah ia bermaksud melarang orang-orang Islam di zaman Baginda s.a.w. daripada membawa longgokan tulang kipas unta, kulit binatang, pelepah tamar, serpihan-serpihan tembikar atau kepingan-kepingan kayu dan batu? Atau larangan itu ditujukan kepada umat Islam lebih seribu tahun kemudian seperti di zaman kita ini yang memiliki jutaan nuskah al-Qur'an? Atau di zaman Rasulullah s.a.w. sendiri sebenarnya al-Qur'an dalam bentuk kitab dan mushhaf sudah ada di tangan kebanyakan sahabat, sebab itulah Rasulullah s.a.w. melarang mereka? Jawapan kepada persoalan-persoalan seperti itu sesungguhnya memerlukan perbincangan khusus dan serius. Jika ditulis ia akan membentuk sebuah buku yang memuatkan beratus-ratus muka surat. Sebagai ringkasan cukuplah dahulu penulis berkata di sini bahawa: Kalau tidak kerana adanya riwayat (dongeng) yang menyatakan al-Qur'an dalam bentuk sebuah buku, baru tersebar di kalangan umat di zaman Saiyyidina 'Utsman, tentu sekali mudah orang menerima mushhaf yang berada dekat satu tiang di masjid Nabi s.a.w. yang tersebut di dalam hadits Salamah di atas itu ialah Mushhaf Um atau Mushhaf Imam yang sengaja diletakkan dekat tiang berkenaan untuk kemudahan orang-orang Islam menghafal dan menyalinnya selama beberapa ketika. Mushhaf itulah yang menjadi rujukan para sahabat di permulaan hijrah Rasulullah s.a.w. Sebahagian besar Surah Makkiyyah sudah pun terkumpul di dalamnya. Surah-surah Madiniyyah pula sedikit demi sedikit dimasukkan ke dalamnya. Dalam masa itu para sahabat, khususnya Anshaar terus menerus menyalin Mushhaf Um itu untuk diri sendiri, keluarga dan sahabat handai mereka, sehingga terkumpullah pada hampir setiap keluarga dan setiap buah rumah orang-orang Islam pada masa itu banyak sekali mushhaf yang disalin berpandukan Mushhaf Um tersebut. Proses penyalinan pula dikawal rapi oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat muhajirin yang merupakan penulis-penulis wahyu di peringkat awal. Hakikat inilah yang digambarkan oleh Zaid bin Tsabit di dalam atsarinya ini, kata beliau: *بَيْنَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نُوَلِّفُ الْقُرْآنَ مِنَ الرَّقَاعِ إِذْ قَالَ طَوِبَى لِلشَّامِ قِيلَ*

وَلَمْ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِنَّ مَلَائِكَةَ الرَّحْمَنِ بَاسِطَةً أَيْدِيَهُمْ عَلَيْهَا Bermaksud: “Pernah ketika kami sedang menyusun al-Qur’an di samping Rasulullah s.a.w. dari helaian dan kepingan kertas, tiba-tiba Baginda s.a.w. bersabda: “Bertuahlah Syam! Baginda s.a.w. ditanya, kenapa wahai rasulallah? Jawab Baginda: “Sesungguhnya para malaikat Tuhan ar-Rahman menghamparkan sayap-sayap mereka ke atasnya.” (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Ibnu Abi Syaibah, Haakim dan lain-lain). Setelah sekian banyak salinan tersedia, ia tidak perlu lagi diletakkan dekat tiang di dalam masjid. Rasulullah s.a.w. mengamanahkannya kepada Hafshah agar disimpannya dengan baik. Bagaimanapun tiang yang berada dekat al-Mushhaf itu kemudiannya menjadi punca nostalgia kepada sesetengah sahabat seperti Salamah. Ini kerana rasulullah sendiri sering berada dekat tiang berkenaan untuk tujuan penyalinan al-Qur’an serapi dan secermat mungkin. Baginda s.a.w. juga selalu beri’tikaf dan bersembahyang sunat di situ. Pendek kata al-Qur’an dalam bentuk buku telah pun tersebar dengan meluas di kalangan sahabat semasa Rasulullah s.a.w. lagi. Maka logiklah kalau Nabi s.a.w. melarang orang-orang Islam di zamannya membawa al-Qur’an ke negeri musuh atau ke negeri orang-orang kafir. Tetapi orang-orang yang fikirannya telah lali dengan riwayat (dongeng) tadi dengan segera akan mengaitkan apa yang dikatakan sebagai Mushhaf Um atau Mushhaf Imam itu dengan Saiyyidina ‘Utsman juga! **Hadits Salamah** ini selain dikemukakan oleh Bukhari, dikemukakan juga oleh Muslim Ahmad dan lain-lain. Muslim, Ahmad dan at-Thabaraani di dalam al-Mu’jam al-Kabir meriwayatkan satu lagi hadits daripada Yazid bin Abi ‘Ubaid daripada Salamah, tetapi melalui saluran yang lain iaitu saluran Hammad bin Mas’adah. Ia diharap akan membantu kita sedikit sebanyak dalam usaha mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan hadits Bukhari di atas. Berikut dikemukakan lafaz hadits riwayat Muslim dengan isnad dan terjemahannya: حَكَّنَا إِسْحَقُ بْنُ إِزَاهِيمَ وَمَحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى وَاللَّفْظُ لِابْنِ الْمُثَنَّى قَالَ إِسْحَقُ أَخْبَرَنَا وَقَالَ ابْنُ الْمُثَنَّى حَكَّنَا حَمَّادُ بْنُ مَسْعَدَةَ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي عُبَيْدٍ عَنْ سَلَمَةَ وَهُوَ ابْنُ الْأَكْوَعِ أَنَّهُ كَانَ يَحْرَى مَوْضِعَ الْمُصَنَّفِ يُسَبِّحُ فِيهِ وَتَكَرَّرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَحْرَى ذَلِكَ الْمَكَانَ وَكَانَ بَيْنَ الْمِنْبَرِ وَالْقِبْلَةِ قَدْرَ مَمَرِ الشَّاةِ Bermaksud: “Hammad bin Mas’adah meriwayatkan daripada Yazid bin Abi ‘Ubaid bahawa Salamah bin al-Akwa’ selalu memilih tempat di mana (pernah) ada al-Mushhaf untuk bersembahyang (sunat). Beliau menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. selalu memilih tempat itu. Jarak di antara mimbar (Nabi s.a.w.) dengan qiblat (dinding masjid Nabi s.a.w. di sebelah qiblat) ialah sekadar dapat dilalui seekor biri-biri.” Di dalam riwayat ini tidak tersebut perkataan الأسطوانة (tiang). Tidak juga tersebut perkataan عند sebelum perkataan المصنف. Tetapi di dalamnya tersebut dua perkataan yang ertinya lebih kurang sama saja, iaitu موضع dan مكان. Di mana berlaku tasharruf perawi? Setelah menimbang erti موضع dan مكان, perawi mendapati semacam pengulangan berlaku di situ. Maka perkataan موضع diganti mereka dengan perkataan عند, kemudian dihapuskan (dibuang) pula perkataan مكان. Ketika itu jadilah ayatnya عند المصنف التي عند الأسطوانة التي عند المصنف. Perawi-perawi sering kali menukar ganti perkataan-perkataan yang terdapat di dalam sesuatu riwayat dengan perkataan yang lebih kurang sama ertinya pada pandangan mereka. Pindaan dirasakan perlu terutamanya apabila terdapat kekusutan dan pertindihan ma’na seperti di dalam hadits di atas. Perihal dibuang perkataan مكان selepas perkataan عند adalah sesuatu yang lumrah dan diharuskan menurut qaedah bahasa ‘Arab. Bukan sekadar itu sahaja, malah ia dianggap sebagai salah satu seni bahasa. Qaedah itu dipanggil مجاز الحذف. Qaedah ini banyak sekali terdapat di dalam al-Qur’an, al-hadits dan sya’ir-sya’ir Jahiliyyah. Antara contoh penggunaannya di dalam hadits ialah خوخة أبي بكر (pintu kecil Abu Bakar). Perkataan yang dibuang dalam rangkai kata ini ialah بيت atau منزل. Sebelum dibuang, begini adanya: خوخة بيت أبي بكر (pintu kecil rumah abu Bakar). Antara contoh penggunaannya di dalam sya’ir Jahiliyyah pula ialah apa yang diungkapkan oleh ‘Aqil bin ‘Ullafah al-Murri di dalam serangkap sya’irnya ini: وكم عند سلمى جذت بعد رحيلها بدمع أعانته الدموع السوافك Bermaksud: Sering kali dekat Salma kucurahkan air mata sepeninggalannya. Air mata darah juga telah kucurahkan. Bagaimana penya’ir akan mencurahkan air mata dekat Salma, kalau Salma telah pun pergi jauh meninggalkannya? Jawabnya ialah penya’ir telah menggunakan مجاز الحذف di dalam sya’irnya ini. Ertinya ialah dia telah membuang satu perkataan di antara perkataan سلمى dan عند. Perkataan yang dibuangnya ialah منزل atau بيت (rumah). Jadi asalnya ialah وكم عند سلمى أو بيت سلمى (Sering kali dekat rumah Salma yang telah ditinggalkan...). Samalah juga dengan hadits di atas. Yang disebut ialah المصنف عند sahaja. Tetapi sebenarnya satu perkataan telah dibuang di tengahnya iaitu perkataan مكان. Taqdirnya ialah المصنف عند مكان (dekat tempat al-Mushhaf). Maksudnya ialah dekat tempat di mana dahulunya terletak al-Mushhaf atau al-Qur’an. Tidak semestinya al-Mushhaf itu sendiri masih ada di situ ketika Salamah bersembahyang lama selepas Rasulullah s.a.w. wafat. Bahkan di zaman Rasulullah s.a.w. sendiri pun al-Mushhaf itu diletakkan dekat tiang berkenaan selama beberapa ketika sahaja iaitu sementara ia selesai disalin oleh segolongan sahabat yang belum memiliki

engkau memilih bersembahyang dekat tiang ini? Beliau menjawab: “Kerana aku melihat Nabi s.a.w. memilih bersembahyang dekatnya.”⁸⁰⁸

٤٧٣ - حَدَّثَنَا قَبِيصَةُ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَمْرِو بْنِ عَمِيرٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ كِبَارَ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَدِرُّونَ السَّوَارِيَ عِنْدَ الْمَغْرِبِ وَزَادَ شُعْبَةُ عَنْ عَمْرِو عَنْ أَنَسٍ حَتَّى يَخْرُجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

وتحريه ذلك
sejumlah 86 surah Makkiyyah. Kerana itulah Maulana Shabbir Ahmad al-Utsmaani menulis: Bermaksud: “Salamah memilih bersembahyang dekat tiang itu bukan kerana al-Mushhaf ada di situ, tetapi kerana Rasulullah s.a.w. juga telah memilih bersembahyang di situ.” Namun kemusykilan tetap tidak terungkai sepenuhnya. Kenapa pula Rasulullah s.a.w. memilih untuk bersembahyang di situ? Perkataan تَحْرِيّ terbit daripada perkataan تَحْرِيّ bererti memilih, mencari-cari atau mengintai-ngintai peluang. Kenapa Rasulullah s.a.w. mengintai-ngintai peluang untuk bersembahyang dekat tiang itu? Tentulah ada sesuatu yang menarik beliau s.a.w. Apa bendanya sesuatu itu? Bagi penulis, kerana tempat itu adalah salah satu tempat yang diberkati di dalam masjid Nabi s.a.w. Kenapa pula ia diberkati? Kerana di situ pernah terletak al-Mushhaf atau al-Qur’an yang merupakan rujukan, punca atau ibu kepada mushhaf-mushhaf dan al-Qur’an- al-Qur’an yang lain. Syeikh Ya’qub al-Bayaani al-Lahori di dalam Syarah Bukharinya yang bernama al-Khair al-Jaari juga menyebutkan itulah sebabnya kenapa Rasulullah s.a.w. memilih bersembahyang di situ. Walaupun Syeikh Zakariya juga seperti al-Aini dan ramai lagi tokoh-tokoh yang lain mengaitkan al-Mushhaf dekat tiang tersebut dengan zaman pemerintahan Saiyyidina `Utsman, beliau bahkan menyalahkan orang-orang yang mengaitkannya dengan zaman Nabi s.a.w., tetapi beliau ada menyebut satu perkara yang menarik. Kata beliau di dalam Taqirir Bukharinya apabila menceritakan tentang sebab kenapa al-Mushhaf itu diletakkan dekat tiang tersebut: *نظر*

پڑھنے والوں میں سے جس کا ہی پاپے اس میں دیکھ کر پڑے (supaya ia dapat dibaca oleh sesiapa sahaja sambil melihatnya ketika bersembahyang). Keterangan ini menimbulkan beberapa kemusykilan yang lain pula sebenarnya. Antaranya ialah dari mana pula para sahabat di zaman Saiyyidina `Utsman itu mengetahui keharusan membaca al-Qur’an sambil melihatnya ketika bersembahyang? Bukankah para sahabat itu sangat menjaga sunnah Nabi s.a.w. dan sangat takut mengamalkan bid’ah? Kecualilah kalau kita mengatakan, memang itu pun salah satu maksud al-Mushhaf itu di letak dekat tiang tersebut di zaman Rasulullah s.a.w. Patut pun di zaman Saiyyidina `Utsman atau di zaman-zaman yang lain sampai ke hari ini, ramai juga orang Islam yang membaca al-Qur’an sambil melihatnya ketika bersembahyang. Ia rupa-rupanya salah satu sunnah Nabi s.a.w. juga!

⁸⁰⁸ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan dan keelokan menjadikan tiang sebagai sutrah. Lebih-lebih lagi tiang seperti yang tersebut di dalam hadits Salamah bin al-Akwa’ di atas. (2) Tidak mengapa memilih sesuatu tempat untuk beribadat seperti sembahyang dan lain-lain, jika tempat itu memang ada kelebihan. Itulah yang difahami Nawawi daripada hadits Salamah. Kata beliau: “Tidak mengapa tetap bersembahyang di tempat yang sama jika tempat itu ada kelebihan. Larangan (Nabi s.a.w.) daripada mengambil sesuatu tempat di masjid secara tetap hanya berkait dengan tempat yang tidak mempunyai apa-apa kelebihan dan tidak juga diperlukan.” (3) Keberkatan al-Qur’an apabila diletakkan di sesuatu tempat. Walaupun untuk beberapa ketika sahaja. (4) Kesungguhan sahabat mengikut jejak Rasulullah s.a.w. Perbuatan Baginda s.a.w. sentiasa dijadikan hujah oleh mereka dalam perkara apa sekalipun. (5) Sebagaimana para sahabat sentiasa memerhatikan perbuatan Rasulullah s.a.w., para tabi’in yang merupakan anak-anak murid para sahabat juga sentiasa memerhatikan perbuatan para sahabat Baginda s.a.w. Demikianlah agama Islam itu diwarisi turun-temurun dari dahulu hingga ke hari ini. (6) Umat Islam seharusnya mengambil berat tentang kesan-kesan sejarah peninggalan Rasulullah s.a.w. dan menjaganya dengan baik. Apa lagi kalau ia membawa keuntungan dalam kehidupan beragama. **Hadits ini merupakan Tsulaatsiyyaat Bukhari yang ketiga. Ia juga diterima Bukhari dari makki bin Ibrahim.**

473- Qabishah (bin `Uqbah) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (ats-Tsauri) meriwayatkan kepada kami daripada `Amar bin `Aamir daripada Anas bin Malik, katanya: “Sesungguhnya aku telah melihat sahabat-sahabat besar Nabi s.a.w. berebut-rebut untuk pergi kepada tiang-tiang sebelum (sembahyang) Maghrib.” Syu`bah menambahkan dlm riwayatnya daripada `Amar daripada Anas, (katanya): “sehingga Nabi s.a.w. keluar (untuk bersembahyang Maghrib).”⁸⁰⁹

⁸⁰⁹ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ia dibawa Bukhari di bawah bab ini untuk membuktikan tiang-tiang di masjid selalu dijadikan sutrah oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. (2) Ia menunjukkan bahawa di masjid juga orang-orang yang bersembahyang dikehendaki bersutrah. (3) Daripada hadits ini dapat diketahui punca pengambilan istilah sahabat besar dan sahabat kecil. (4) Sahabat besar dijadikan ikutan oleh sahabat-sahabat kecil. Kedudukan mereka lebih istimewa daripada sahabat-sahabat kecil kerana mereka lebih lama berpeluang bersama-sama Rasulullah s.a.w. Mereka juga lebih banyak menanggung penderitaan kerana Islam. (5) Sikap sahabat yang berebut-rebut hendak mengerjakan sesuatu amalan agama dapat dilihat dengan jelas di dalam hadits ini. (6) Sembahyang sunat Qabliyyah Maghrib memang Tsabit di dalam Sunnah. Para `ulama' cuma berbeza pendapat tentang adakah ia dimansukh atau tidak. Perbincangan terperinci mengenainya akan datang nanti di bawah باب الصلاة قبل المغرب. (7) Sembahyang sunat Qabliyyah Maghrib adalah sembahyang yang ringkas. Ia hanya dua raka'at sahaja sebelum datang imam. Kerana itulah para sahabat bersegera mengerjakannya. (8) Di dalam masjid Nabi s.a.w. pada ketika itu terdapat banyak tiang.

69- Bab Bersembahyang Di Antara Tiang-Tiang Dengan Tidak Berjama'ah.⁸¹⁰

⁸¹⁰ Para pensyarah Sahih Bukhari mempunyai pandangan masing-masing berhubung dengan maksud Bukhari mengadakan bab ini. Berikut dikemukakan sebahagian daripada pandangan mereka itu: (1) Kebanyakan mereka berpendapat Bukhari hendak menyatakan ada khilaf di kalangan 'ulama' tentang hukum bersembahyang di antara tiang-tiang. (a) Pada pandangan beliau, ia harus untuk imam dan orang yang bersembahyang sendirian. Makruh untuk orang yang berjama'ah dalam saf sebagai ma'mum. Kecuali saf di hadapan dan di belakangnya telah betul-betul penuh atau saf ma'mum hanya seramai yang berada di antara dua tiang sahaja. Pada ketika itu tidak makruh. Sebabnya ialah dengan berada di antara tiang, saf akan terputus. Sedangkan menyambung dan memenuhi saf adalah dituntut. Demikian juga pendapat Sufyan ats-Tsauri, an-Nakha'i, Ahmad dan Ishaq. Antara sahabat yang sependapat dengan mereka ialah Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Abbaas dan Huzaifah. (b) Makruh kepada semua yang bersembahyang. Sama ada ia imam, ma'mum atau ia bersembahyang seorang diri. Ini ialah pendapat Malik. Kecuali saf di hadapan dan di belakangnya telah betul-betul penuh. (c) Makruh kepada imam. Tetapi harus kepada ma'mum dan orang yang bersembahyang seorang diri. Ini ialah pendapat golongan Hanafiyyah. (d) Syafi'e berpendapat harus kepada semua orang yang bersembahyang. Sama ada ia sebagai imam, ma'mum atau ia bersembahyang seorang diri. (2) Oleh kerana terdapat riwayat yang berbeza-beza berkenaan dengan bersembahyang di antara tiang-tiang. Sesetengahnya menampakkan keharusan dan sesetengahnya pula larangan, Bukhari cuba menjama'kannya dengan mengatakan, yang dilarang di dalam hadits ialah apabila seseorang bersembahyang dengan berjama'ah dalam saf dan yang dibenarkan pula ialah apabila seseorang bersembahyang seorang diri atau dia menjadi imam. (3) Syekh Zakariya berpendapat, Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul dari atsar 'Umar atau Ibnu 'Umar di dalam tajuk bab sebelumnya. Perbuatan 'Umar atau Ibnu 'Umar mendekatkan orang yang bersembahyang di antara dua tiang kepada salah satu daripadanya menampakkan semacam tidak sah atau sekurang-kurangnya tidak elok bersembahyang di antara tiang-tiang. Dengan berkata *فِي غَيْرِ جَمَاعَةٍ*, Imam Bukhari hendak menyatakan keharusan bersembahyang di antara tiang jika tidak berjama'ah. Dalam keadaan berjama'ah bersembahyang di antara tiang adalah makruh. Perbuatan 'Umar atau Ibnu 'Umar itu hanya bermaksud membimbing orang berkenaan agar mengambil sutrah ketika bersembahyang. (4) Penulis berpendapat, menerusi tajuk bab ini Bukhari hendak mengisytarkan kepada beberapa hadits yang melarang daripada bersembahyang di antara tiang-tiang. Oleh kerana ia tidak menepati syarat Sahihnya, Bukhari mengisytarkan sahaja kepadanya. Jika diteliti, hadits-hadits itu lebih tertumpu kepada para ma'mum dalam saf. Walaupun ada ketikanya ia berkait juga dengan imam atau orang yang bersembahyang sendirian. **Alasan Bukhari dan orang-orang** yang sependapat dengannya ialah Nabi s.a.w. sendiri telah bersembahyang di dalam Ka'bah di antara dua tiang, seperti dapat kita semua lihat di dalam riwayat di bawah bab ini. Jelas sekali ketika itu Baginda s.a.w. tidak menjadi imam. Sembahyang di dalam Ka'bah dalam peristiwa itu dilakukan Rasulullah s.a.w. secara sendirian. Ibnu 'Umar dan lain-lain sahabat juga telah mengikut jejak Rasulullah s.a.w. itu. Para sahabat pula menceritakan mereka dilarang membuat saf di antara tiang-tiang. Kenyataan itu jelas menunjukkan berjama'ah dalam saf sebagai ma'mum di antara tiang-tiang adalah makruh. Hadits-hadits dan atsar-atsar berikut adalah antara yang menyebut larangan bersembahyang sebagai ma'mum dalam saf di antara tiang-tiang: (1) 'Abdul Hamid bin Mahmud meriwayatkan, katanya: *كُنَّا مَعَ أَنَسٍ فَصَلَّيْنَا مَعَ أَمِيرٍ مِنَ الْأَمْرَاءِ فَتَقَفْنَا حَتَّى قُمْنَا وَصَلَّيْنَا بَيْنَ السَّارِيَيْنِ فَجَعَلَ أَنَسٌ يَتَأَخَّرُ وَقَالَ قَدْ كُنَّا نَتَّبِعُ*

٤٧٤ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا جُوَيْرِيَةُ عَنْ نَافِعٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبَيْتَ وَأَسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ وَعُثْمَانُ بْنُ طَلْحَةَ وَبِلَالٌ فَأَطَالَ ثُمَّ خَرَجَ وَكُنْتُ أَوَّلَ النَّاسِ دَخَلَ عَلَى أُخْتِهِ فَسَأَلْتُ بِلَالًا أَيْنَ صَلَّى قَالَ بَيْنَ الْعَمُودَيْنِ الْمُقَامَيْنِ

474- Musa bin Ismail (at-Tabuzki al-Manqari) meriwayatkan kepada kami, katanya: Juwairiyah⁸¹¹ meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' daripada Ibni `Umar, katanya:

Bermaksud: Pernah kami bersama Anas bersembahyang di belakang salah seorang pemerintah. (Kerana kesesakan) Kami tertolak sehingga (terpaksa) bersembahyang di antara dua tiang. Anas pula hundur ke saf belakang. Setelah selesai bersembahyang beliau berkata: "Kami di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu selalu mengelak daripada bersembahyang di antara dua tiang seperti ini. (Hadits sahih ini diriwayatkan oleh an-Nasaa'i, Abu Daud, Tirmizi, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi Syaibah, Baihaqi dan Haakim). (2) Mu'aawiah bin Qurrah meriwayatkan daripada ayahnya, kata ayahnya: كُنَّا نَنْهَى أَنْ نَصِفَ بَيْنَ السُّوَارِي عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَطْرُدُ عَنْهَا طَرْدًا Bermaksud: "Kami sentiasa dilarang membuat saf di antara tiang-tiang di zaman Rasulullah s.a.w. Kami betul-betul dihalau darinya." (Hadits riwayat Ibnu Majah, Abu Daud at-Thayaalisi dan Haakim). Inilah dua hadits yang tidak menepati syarat Bukhari dan beliau isyaratkan sahaja di dalam tajuk bab di atas. Tentang kenapa dilarang bersembahyang di antara tiang-tiang, ada enam pendapat para 'ulama' mengenai 'illat atau hikmatnya. (a) Kata al-Qurthubi, diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengkhususkan tempat itu untuk jin Islam bersembahyang. (b) Tempat itu biasa juga digunakan sebagai tempat letak kasut dan selipar. Dengan sebab ada kemungkinan tertanggal kotoran dan najis daripada kasut dan selipar itulah dilarang bersembahyang di situ. Demikian kata ad-Dusuqi. (c) Saf akan terputus apabila bersembahyang di antara tiang-tiang. Sedangkan orang-orang yang sembahyang berjema'ah dituntut supaya memenuhi saf dan tidak memutuskannya. Inilah pendapat kebanyakan 'ulama' tentang hikmatnya. (d) Boleh menyusahkan orang-orang yang hendak lalu. Hikmat ini disebut oleh Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi. (e) Ia adalah tempat syaitan di masjid. Demikian kata ad-Dardir. Rasulullah s.a.w. sendiri telah beranjak dari tempat Baginda s.a.w. dan para sahabatnya tertidur sehingga terlepas waktu sembahyang subuh dengan alasan tempat itu adalah tempat syaitan. (f) Larangan itu khusus dengan masjid-masjid yang tiang-tiangnya tidak betul-betul sejajar, seperti tiang-tiang di masjid Nabi s.a.w. di zaman Baginda s.a.w. dahulu. Dengan bersembahyang di antara tiang-tiang masjid seperti itu saf-saf pasti tidak akan berada dalam deretan yang lurus. Hikmat ini juga disebut oleh Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi di dalam Ifaadaatnya yang bernama al-Kaukab ad-Durri Syarah Sunan at-Tirmizi.

⁸¹¹ Juwairiyah di sini ialah Juwairiyah bin Asmaa' bin `Ubaid bin Mikhraaq ad-Dhuba'i al-Bashri. Seorang perawi lelaki bukan perempuan. Juwairiyah ialah salah satu nama yang dikongsi lelaki dan perempuan. Antara perawi atau tokoh lelaki yang bernama Juwairiyah ialah Juwairiyah bin Mushir. Dia ada meriwayatkan hadits daripada `Ali. Juwairiyah bin Basyir. Dia meriwayatkan daripada al-Hasan. Juwairiyah bin Asmaa'. Dia meriwayatkan hadits daripada Naafi'. Salah satu hadits yang diriwayatkannya daripada Naafi' ialah hadits di atas. Juwairiyah bin al-Hajjaaj. Dia seorang penya'ir. Antara perawi atau tokoh perempuan yang bernama Juwairiyah pula ialah Juwairiyah Ummul Mu'minin isteri Rasulullah s.a.w. Juwairiyah binti Ziad. Juwairiyah binti `Alqamah. Ayah Juwairiyah perawi hadits di atas bernama Asmaa'. Asmaa' juga salah satu nama yang dikongsi lelaki dan perempuan. Selain ayah perawi ada dua orang lagi bernama Asmaa' iaitu Asmaa' bin Haaritsah dan Asmaa' bin Rabaab. Kedua-dua mereka adalah sahabat

Nabi s.a.w. telah masuk ke dalam Baitillah dengan Usamah bin Zaid, 'Utsman bin Thalhah dan Bilal. Lama Nabi s.a.w. berada di dalamnya. Kemudian Baginda keluar. Aku adalah orang yang mula-mula masuk selepas Baginda keluar. Aku bertanya Bilal: "Di mana Nabi s.a.w. telah bersembahyang? Kata Bilal: "Di antara dua tiang di sebelah hadapan."

٤٧٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْكَعْبَةَ وَأَسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ وَبِلَالٌ وَغُثْمَانُ بْنُ طَلْحَةَ الْحَضِيِّ فَأَغْلَقَهَا عَلَيْهِ وَمَكَتَ فِيهَا فَسَأَلْتُ بِلَالًا حِينَ خَرَجَ مَا صَنَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ جَعَلَ عَمُودًا عَنْ يَسَارِهِ وَعَمُودًا عَنْ يَمِينِهِ وَثَلَاثَةَ أَعْمِدَةٍ وَرَأَاهُ وَكَانَ الْبَيْتُ يَوْمَئِذٍ عَلَى سِتَّةِ أَعْمِدَةٍ ثُمَّ صَلَّى وَقَالَ لَنَا إِسْمَاعِيلُ حَدَّثَنِي مَالِكٌ وَقَالَ عَمُودَيْنِ عَنْ يَمِينِهِ

475- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' daripada 'Abdillah bin 'Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. telah masuk ke dalam Ka'bah dengan Usamah bin Zaid, Bilal dan 'Utsman bin Thalhah al-Hajabi (pemegang anak kunci pintu Ka'bah). 'Utsman menutup pintu Ka'bah setelah Rasulullah s.a.w. masuk. Baginda s.a.w. berada lama juga di dalamnya. Aku bertanya Bilal selepas Baginda keluar: "Apa yang Nabi s.a.w. telah buat di dalam Ka'bah? Bilal menjawab: "Nabi s.a.w. berdiri dalam keadaan di sebelah kiri Baginda ada satu tiang, di sebelah kanan Baginda juga ada satu tiang dan tiga tiang di belakangnya.⁸¹² Pada ketika

Rasulullah s.a.w. Di kalangan perempuan pula yang bernama Asmaa' ialah Asmaa' binti Abi Bakr, Asmaa' binti 'Umais. Kedua-dua mereka juga adalah sahabat Rasulullah s.a.w.

⁸¹² Zahir hadits 475 ini dan hadits 474 sebelumnya menunjukkan bahagian dalam Ka'bah mempunyai lima tiang. Bagaimana setelah dikatakan "Nabi s.a.w. berdiri dalam keadaan di sebelah kiri Baginda ada satu tiang, di sebelah kanan Baginda juga ada satu tiang dan tiga tiang di belakangnya." Perawi mengatakan pula selepasnya: "Pada ketika itu Baitullah ada enam tiang?". Berdasarkan riwayat yang dikemukakan oleh Bukhari secara muzakarah daripada Isma'il di hujung hadits 475 itu saja baru benar jika dikatakan: "Pada ketika itu Baitullah ada enam tiang." Selayang pandang riwayat-riwayat ini nampak macam saling bertentangan. Mana satu daripadanya yang betul? Sukar juga untuk ditarjihkan riwayat Isma'il daripada riwayat 'Abdullah bin Yusuf daripada Malik. Kerana riwayat Isma'il daripada Malik dikemukakan oleh Bukhari hanya secara muzakarah menggunakan lafaz وَقَالَ لَنَا إِسْمَاعِيلُ (Kata Ismail kepada kami). Sedangkan riwayat 'Abdullah bin Yusuf pula dikemukakan oleh Bukhari secara ikhbaar. Jelas sekali riwayat yang dikemukakan secara muzakarah lebih rendah kedudukannya berbanding riwayat yang dikemukakan secara ikhbaar. Pada hakikatnya kedua-dua riwayat itu tidak bertentangan dan ia dapat dijama' dan ditathbiqkan. Al-Kirmaani mengemukakan beberapa taujihaat (pandangan) untuk menyelesaikan dua riwayat yang kelihatan bertentangan itu menggunakan qaedah jama' dan tathbiq. (1) Di dalam riwayat 'Abdullah bin Yusuf perawi iaitu Ibnu 'Umar menggambarkan

itu Baitullah ada enam tiang. Kemudian Nabi s.a.w. bersembahyang. Kata Ismail (bin Abi Uwais) kepada kami: Malik meriwayatkan kepada saya, katanya: “Dua tiang di sebelah kanannya.”⁸¹³

باب

70- Bab.⁸¹⁴

bilangan tiang di dalam Ka'bah selepas berlakunya fitnah Ibnu az-Zubair. Semasa pemerintahannya Ibnu az-Zubair telah membina semula Ka'bah. Banyak juga perubahan dibuatnya. Salah satu perubahan yang dibuat Ibnu az-Zubair ialah tiangnya dikurangkan. Daripada enam menjadi lima. Kata-kata Ibnu 'Umar bahawa “Pada ketika itu Baitullah ada enam tiang” pula menggambarkan bilangan tiang Ka'bah sebelum itu. Daripada zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke zaman Ibnu az-Zubair. (2) Boleh juga dikatakan perkataan *عمود* di dalam hadits itu dipakai sebagai isim jenis. Isim jenis harus digunakan untuk satu, dua atau lebih lagi dari itu. Maka ia merupakan perkataan mujmal (tidak jelas ma'nanya). Riwayat Isma'il daripada Maliklah yang menjelaskannya. (3) Bilangan tiang di sebelah hadapan tempat Ibnu 'Umar bersembahyang juga ada tiga seperti di bahagian belakangnya. Oleh kerana tiga tiang di sebelah hadapan tempat beliau bersembahyang itu tidak betul-betul sejajar, perawi hanya membilang yang betul-betul sejajar sahaja iaitu dua. Rangkai kata *بَيْنَ الْعَمُودَيْنِ الْمُقَابِلَيْنِ* (Di antara dua tiang di sebelah hadapan) mengisyaratkan kepada taujih (pandangan) yang ketiga ini. (4) Mungkin juga ketiga-tiga tiang di sebelah hadapan itu sejajar. Tetapi oleh sebab Rasulullah s.a.w. bersembahyang dekat tiang tengah, Bilal mengatakan Baginda bersembahyang di antara dua tiang di sebelah hadapan.

⁸¹³ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari dua hadits di atas ialah: (1) Ketelitian sahabat dan keprihatinan mereka dalam mengingat dan mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. (2) Di zaman Rasulullah s.a.w. terdapat enam tiang di dalam Ka'bah. Demikianlah tersebut dalam kebanyakan riwayat. Tetapi di dalam sesetengah riwayat tersebut lima tiang sahaja. Riwayat yang menyebutkan lima tiang sahaja itu sebenarnya tidak bertentangan dengan riwayat yang menyebutkan enam tiang. Kedua-duanya boleh dikompomikan mengikut qaedah jama'. (3) Untuk memahami sesuatu hadits dengan tepat anda harus meruju' kepada hadits-hadits lain yang juga berkaitan dengan perkara yang sama. (4) Untuk keselamatan dan mengelak daripada berlaku kesesakan di dalam Ka'bah, pintu Ka'bah boleh ditutup ketika seseorang pemimpin atau ketua negara masuk ke dalamnya. (5) Membenarkan orang-orang yang berkenaan sahaja masuk ke sesuatu tempat adalah salah satu sunnah Rasulullah s.a.w.

⁸¹⁴ Bab tanpa tajuk ini ada di sini berdasarkan kebanyakan nuskah Sahih Bukhari. Di dalam nuskah riwayat al-Ashili bab tanpa tajuk ini tiada. Demikian kata Hafiz Ibnu Hajar. Kenapa Bukhari membuat bab tanpa tajuk di sini? Beberapa jawapan telah diberikan. Antara lainnya ialah: (1) Ia seperti fasal kepada bab sebelumnya. Pada umumnya para pensyarah Sahih Bukhari memberikan jawapan ini apabila bertemu dengan bab tanpa tajuk. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, Imam Bukhari memisahkan hadits di bawah bab tanpa tajuk ini daripada bab sebelumnya kerana tidak tersebut di dalamnya Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di antara dua tiang di dalam Ka'bah. Apa yang tersebut di dalamnya ialah jarak di antara Rasulullah s.a.w. dan dinding Ka'bah ketika Baginda s.a.w. bersembahyang di dalamnya. (2) Al-'Aini berpendapat sebabnya Bukhari meletakkan hadits di bawah bab tanpa tajuk berasingan daripada bab sebelumnya ialah kerana di dalamnya terdapat penjelasan tambahan iaitu jarak di antara Rasulullah s.a.w. dan